



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

13 hb. Mac 2017

“SEJAHTERA BERSAMA KOPERASI PDRM”

Pengerusi / Setiausaha / AJK

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG UMUR 55 TAHUN SEBAGAI
ASAS HAD PENGIRAAN TEMPOH PEMBIAYAAN OLEH
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG

1.1 Umur 55 tahun merupakan had asal bagi asas pengiraan tempoh pembiayaan oleh Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDRM), sebelum ianya dipinda selari dengan perubahan umur persaraan wajib oleh Kerajaan. Anggota KPDRM yang memohon pembiayaan melangkaui umur 55 tahun hanya dikehendaki melampirkan dokumen opsyen persaraan bagi membolehkan tempoh pembiayaan dipanjangkan sehingga umur anggota 58 atau 60 tahun.

1.2 Walau bagaimanapun terdapat banyak kes anggota yang menandatangani opsyen persaraan pada umur 58 atau 60 tahun, mengambil persaraan pilihan sebelum mencapai umur berkenaan. Natijahnya, bayaran balik melalui pemotongan gaji anggota berkenaan tidak dapat dibuat. Pembiayaan tidak berbayar (“NPL”) kini kian meningkat dan sebahagian besarnya disumbang kategori ini.

1.3 Sehubungan dengan itu, demi menjaga keutuhan kewangan KPDRM, Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 21/2/2017 telah mengambil satu ketetapan bagi mengekang keadaan ini.

2. TUJUAN

2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua anggota KPDRM berhubung ketetapan Mesyuarat Anggota Lembaga KPDRM yang bersidang pada 21/2/2017 mengenai :-

2.1.1 Had umur bagi asas pengiraan pembiayaan.

2.1.2 Had maksimum jumlah pembiayaan bagi permohonan anggota yang melangkaui umur 55 tahun.

3. HAD UMUR BAGI ASAS PENGIRAAN PEMBIAYAAN

3.1 Had umur bagi asas pengiraan pembiayaan ialah **sehingga umur 55 tahun**.

3.2 Anggota boleh memilih tempoh maksimum pembiayaan iaitu sehingga 10 tahun dengan syarat tempoh ini tidak melangkaui umur 55 tahun.

3.3 Walau bagaimanapun, anggota masih boleh memilih tempoh maksimum pembiayaan sehingga 10 tahun walaupun ianya melangkaui umur 55 tahun (sehingga umur persaraan berdasarkan surat opsyen) tertakluk kepada had maksimum jumlah pembiayaan sebagaimana di para (4).

3.4 Lain-lain syarat kelayakkan pembiayaan dikekalkan.

4. HAD MAKSIMUM JUMLAH PEMBIAYAAN BAGI TEMPOH PEMBIAYAAN MELANGKAUI UMUR 55 TAHUN

4.1 Had maksimum jumlah pembiayaan bagi tempoh pembiayaan melangkaui umur 55 tahun ialah **RM20,000.00**.

4.2 Lain-lain syarat pembiayaan dikekalkan.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Perlaksanaan ketetapan di para (3) dan (4) berkuatkuasa mulai dari tarikh pekeliling ini.

6. Ketetapan di atas digubal bagi mengurangkan jumlah NPL yang kian meningkat yang akan merugikan KPDRM dan anggotanya. KPDRM berpandangan, adalah wajar anggota mempunyai tanggungan hutang yang semakin berkurangan apabila menghampiri umur persaraan dan apabila bersara kelak, anggota akan lebih selesa tanpa dihimpit keberhutangan yang tinggi.

7. Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar dapat kiranya Tuan / Puan memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
SETIAUSAHA